



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: HARIAN METRO		
TARIKH	: 11/12/2019	MUKA SURAT	: 27
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Oleh Mohd Izham Ummid  
Abdullah  
thaddius@bh.com.my

## Beaufort

Mangsa banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Bencana Alam Selagon di sini, dari sekitar daerah ini dan Membakut meningkat kepada 268 orang membabitkan 97 keluarga setakat jam 5 petang semalam berbanding 70 mangsa tengah hari semalam.

Daripada jumlah itu, seramai 249 orang adalah mangsa dari enam kampung di Membakut manakala 19 mangsa dari sebuah kampung di Beaufort iaitu Bakalan.

Mangsa paling ramai dipindahkan di Membakut ialah dari Kampung Baitam Baru seramai 137 orang, diikuti Baitam (30 mangsa), Kampung Jambatan Baru (25 mangsa), Lumantak (18 mangsa), Takapan (18 mangsa) dan Baitam Laut (16 mangsa).

Sejak awal pagi semalam, sebanyak 19 kawasan di Membakut dikenal pasti di naiki air iaitu Kampung Lumantak, Baitam, Sinoko, Bimbang, Baitam Laut,

# Makin teruk!



KEADAAN banjir yang semakin buruk di sekitar pekan Membakut.

## Mangsa banjir di Membakut dan Beaufort meningkat kepada 268

Baitam Baru, Baitam Ulu, Jambatan Baru, Kampung Baru, Papis, Kayai, Poring dan Pusak.

Selebihnya ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Membakut, Klinik Kesihatan Kampung Sinoko, Kampung Takapan, Mendangin, pekan

lana Membakut dan Lam-pijas.

Jalan raya yang terjejas dan tidak dapat dilalui kerana deratan kekal satu di Beaufort, iaitu jalan Kampung Bakalan Simpang Empat, manakala di Membakut bertambah kepada 13 laluan

berbanding 11 laluan pagi semalam.

Laluan dikenal pasti terjejas sejak pagi tadi ialah Jalan Kampung Bimbang, Jalan Kampung Sinoko, Jalan Kampung Pusak, Jalan Kampung Poring, Jalan Kampung Baitam, Baitam Laut

dan Baitam Ulu, Jalan Kampung Jambatan Baru, Jalan Kampung Kayai, Jalan Kampung Baru dan Jalan Kampung Papis.

Dua lagi laluan yang dikenal pasti terjejas ialah Jalan Pekan Lama Membakut dan Jalan Kampung Men-

Paras Sungai Padas di Beaufort dan Sungai Membakut di daerah kecil Membakut masih berada pada tahap "bahaya"



Jupery Etok

dangin.

Banjir di Beaufort dan Membakut turut menjejaskan perkhidmatan kereta api bagi laluan Kota Kinabalu-Membakut-Beaufort dan sebaliknya berikutan keadaan landasan di beberapa lokasi yang dinaiki air, semalam.

Pegawai Daerah Beaufort yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah, Jupery Etok, ketika dihubungi menjelaskan, paras Sungai Padas di Beaufort dan Sungai Membakut di daerah kecil Membakut masih berada pada tahap "bahaya".

Keadaan itu, katanya menyebabkan keadaan banjir mungkin bertambah buruk terutama jika hujan berterusan di kawasan hulu.